

KEVARIASIAN BAHASA LISAN SEBAGAI TRANSFORMASI DALAM TATABAHASA BAHASA MELAYU

Mashetoh Abd Mutalib
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
Malaysia
mashetoh@uum.edu.my

Pengenalan

Bahasa bervariasi menurut tiga dimensi besar, iaitu berdasarkan kawasan geografi, tempoh masa dan juga ruang sosial (Trudgill, 1978; Labov, 1980; Chambers dan Trudgill, 1990 dan Milroy, 1980). Begitu juga dengan bahasa Melayu itu sendiri yang bervariasi dari segi sebutannya, morfologi, sintaksis dan leksikal. Collins (1981) turut menjelaskan kelainan atau variasi daripada satu bahasa, yakni sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Selain dilihat bahasa bervariasi dari sudut geografi, masa dan sosial, bahasa juga bervariasi dari aspek saluran penyampaian, iaitu lisan¹ dan tulisan. Idris (2010: 26) menjelaskan bahawa “wacana lisan sangat produktif dan asas dalam kehidupan harian manusia”. Manakala wacana tulisan ialah wacana yang disampaikan oleh pewacananya secara bertulis. Menurut beliau lagi, wacana lisan mempunyai fungsi simpanan yang membolehkan komunikasi berlangsung melampaui batas dan ruang, dan wacana tulisan sebagai transaksi idea hasil daripada wacana lisan. Dapatlah dijelaskan bahawa wacana lisan dan tulisan sama pentingnya dan saling melengkapi dalam memerihalkan penggunaan bahasa. Namun persoalan yang paling utama sekali dalam variasi bahasa ialah bahasa tersebut sering dilihat sebagai tidak bervariasi atau dikatakan bersifat seragam dan mengabaikan konteks pengguna bahasa yang sebenar. Ada sesetengah pakar bahasa yang tidak melihat konteks penggunaan bahasa sama ada tulisan bahkan lisan juga. Inilah yang membezakan sesetengah ahli bahasa dengan ahli bahasa yang lain, yang mana bahasa dilihat lebih bervariasi sekiranya diambil kira konteks, iaitu bahasa dihasilkan oleh orang-orang Melayu sendiri dalam berinteraksi dan dalam menyatakan fikiran mereka dalam bahasa mereka (Asmah, 2005).

¹ Idris (2010: 25) menyebutnya sebagai wacana tuturan, iaitu wacana yang disampaikan secara lisan oleh seseorang pewacana.

Selain dilihat bahasa bervariasi dari sudut geografi, masa dan sosial, bahasa juga bervariasi dari aspek saluran penyampaian, iaitu lisan dan tulisan. Idris (2010: 26) menjelaskan bahawa “wacana lisan sangat produktif dan asas dalam kehidupan harian manusia”. Antara contoh penggunaan nahu yang ketara ialah penggunaan imbuhan yang terdiri daripada kata dasar iaitu kata adjektif hanya dibenarkan bergabung dengan imbuhan *memper-* sahaja seperti perkataan *memperbesar*. Sekiranya diakhiri dengan imbuhan *-kan* adalah salah dan bersifat lewah (Nik Safiah et al. 2010). Namun begitu, penggunaan ini berbeza sama sekali dalam konteks yang sebenar kerana penggunaannya dalam masyarakat bahasa begitu meluas dan produktif walaupun tidak gramatis mengikut nahu pegangan. Fenomena ini dibuktikan dengan kajian Zaharani (2001a dan 2001b) yang menunjukkan bahawa penggunaan bentuk kata terbitan yang dihasilkan melalui pengimbuhan *memper-kan* dengan kata adjektif begitu banyak dan meluas sekali. Selain itu, kata bantu *akan* juga boleh dilihat dalam konteks penggunaan semasa. Contohnya, kajian Idris (2008b) yang memanfaatkan data korpus untuk melihat taburan kehadiran kata bantu *akan* melalui konkordans. Dapatan menunjukkan bahawa *akan* bergelagat dalam tiga bentuk utama, iaitu sebagai kata bantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama; sebagai kata sendi nama dan sebagai penanda wacana. Walau bagaimanapun hal ini berbeza dengan buku *Tatabahasa dewan* (2010) yang telah mengkategorikan kata *akan* kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata sendi nama.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini ialah di Seksyen 2, 3 dan 4 di bandar raya Shah Alam, iaitu sebuah bandar moden yang terancang. Shah Alam pada suatu ketika dahulu adalah sebuah ladang kelapa sawit dan dikenali sebagai Sungai Renggam. Sungai Renggam mula berkembang apabila British telah membina laluan kereta api dari Port Swettenham (Pelabuhan Klang) ke Bukit Kuda di Klang dan menghubungkannya dengan Kuala Lumpur pada tahun 1886. Kedudukan Sungai Renggam adalah strategik kerana terletak di antara Port Swettenham, Klang dan Kuala Lumpur dan lokasinya yang berhampiran dengan laluan-laluan utama seperti Lebuhraya Persekutuan dan Jalan Klang Lama. Pembangunannya dilakukan di atas nasihat V. Antolic, Penasihat Perancangan Bandar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian variasi bahasa Melayu lisan di Shah Alam. Oleh itu, pendekatan dialektologi sosial bandar yang dipelopori oleh Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) diterapkan dalam kajian ini. Kajian variasi sosial bahasa Melayu lisan melibatkan 34 orang informan berbangsa Melayu di Shah Alam. Rumah kediaman dijadikan sebagai rangka pensampelan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan untuk memilih informan. Kajian ini menggunakan teknik temu

bual dan soal selidik untuk memperoleh angkubah linguistik dan status sosioekonomi. Berikut ialah jumlah informan berdasarkan rangka pensampelan dan jantina.

Jenis Rumah	Jantina		Jum
	L	P	
Rumah Sesebuah	2	7	9
Rumah Berkembar	5	6	11
Rumah Teres	6	8	14
Jumlah	13	21	34

Jadual 1 Informan berdasarkan rangka pensampelan dan jantina

Analisis Data

Analisis data variasi bahasa Melayu lisan dimulakan dengan pengurusan penganalisan data, kemudian data bahasa lisan ditranskripsi dan proses pengekodan dilakukan. Seterusnya apabila selesai proses pengekodan, data bahasa lisan dikenal pasti dari aspek linguistik. Setelah selesai mengenal pasti aspek-aspek tersebut, proses pengiraan aspek linguistik, variasi bahasa lisan yang dipertalikan dengan pemboleh ubah sosial dimulakan.

Perbincangan

Leksikal atau perbendaharaan kata boleh didefinisikan sebagai kata yang padanya mempunyai makna atau senarai makna yang tidak disyaratkan oleh struktur (Asmah, 1992). Selain itu, leksikal juga diperolehi daripada kekayaan kata yang dimiliki oleh seseorang penutur atau penulis dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah, 1989; Harimurti, 2007). Secara tidak langsung dapatlah dijelaskan bahawa leksikal ialah makna yang sesuai dengan hasil pemerhatian indera dan merupakan satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna. Oleh itu, kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan leksikal paling bervariasi dalam bahasa Melayu lisan, iaitu kekerapan sebanyak 1789 kali atau 54 peratus. Asmah (1988: 125) telah menjelaskan bahawa “kadar perbezaan dalam leksikal (perbendaharaan kata) itu melebihi kadar perbezaan dalam aspek morfologi dan sintaksis”. Sejalan dengan pendapat Asmah tersebut, Nik Safiah (1983) juga menjelaskan setiap pertuturan penutur muncul beberapa ciri yang menjadi ciri-ciri penentu bagi variasi bahasa yang tinggi kedudukannya. Di antara ciri tersebut ialah cara sebutan bunyi tertentu, penggunaan ungkapan atau frasa tertentu dan pilihan perkataan yang tertentu. Perbincangan dalam kertas kerja ini memfokuskan variasi leksikal yang meliputi **kata ganti diri** dan **kata penegas** dalam bahasa Melayu lisan.

Variasi	Aspek	Contoh	L	P	J	
Leksikal	Kata Ganti Diri	Multi rujuk	kita	61	95	156
			39%	61%	52.5%	
		dia	22	27	49	
		45%	55%	16.5%		
		Sifar	41	19	60	
	68%	22%	20%			
	Bhs.	-	34	34		
	Asing		100%	11%		
	Jumlah		124	175	299	
	41%	59%	58%			
Kata Penegas	kan		50	135	185	
		27%	73%	86%		
	Kut	11	18	29		
	38%	62%	14%			
	Jumlah	61	153	214		
27%	73%	42%				
Jumlah keseluruhan leksikal			185	328	513	
Peratus			36%	64%	100%	

Jadual 2 Variasi aspek leksikal dalam bahasa Melayu lisan

Penggunaan kata ganti nama diri

Kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan bagi menggantikan diri pertama, kedua, ketiga dan rujukan. Oleh itu, penggunaan KGD amat penting dalam sesebuah komunikasi. Untuk membolehkan sesuatu komunikasi berjalan dengan lebih lancar penggunaan kata ganti nama yang tepat akan digunakan seperti orang yang lebih tua disapa dengan panggilan rujukan yang lebih hormat atau lebih sopan. Begitu juga dengan panggilan terhadap diri sendiri, ada yang membahaskan diri dengan *aku*, *i*, *kami*, *kita* dan sebagainya sebagai variasi berbahasa. Sehubungan itu, kertas kerja ini membincangkan tiga variasi KGD, iaitu KGD multi rujuk, KGD sifar, dan KGD pinjaman.

KGD multi rujuk ialah penutur menggunakan satu bentuk kata ganti diri untuk pelbagai maksud rujukan. Misalnya penutur menggunakan KGD pertama, iaitu *kita* untuk merujuk diri pertama, iaitu *saya*, dan *kita* (penutur dan kumpulan). Kajian juga menunjukkan bahawa KGD multi rujuk lebih banyak digunakan berbanding dengan KGD yang lain dan ada dua corak variasi KGD multi rujuk, iaitu KGD *kita* dan *dia*, iaitu kekerapan masing-masing sebanyak 156 kali atau 52.5 peratus untuk multi rujuk *kita* dan *dia* sebanyak 49 kali atau 16.5 peratus.

Kata ganti nama *kita* dalam bahasa Melayu standard digunakan untuk menggantikan diri pertama, tetapi dalam dapatan menunjukkan bahawa penggunaan

kita juga digunakan untuk menggantikan ‘saya’ dalam *kita* (tunggal), *kita* (penutur dan yang dilawan tutur) dan *kita* (penutur dan kumpulan atau kami). Yang pertama, penutur sering kali menggunakan kata ganti nama multi rujuk *kita* untuk dirujuk kepada penutur atau *kita* (tunggal), penutur dan yang dilawan tutur (jamak), dan penutur dan kumpulan (jamak) semasa perbualan berlangsung. Oleh itu, penggunaan *kita* telah berlaku pertindihan pada makna asalnya, iaitu *kita* merujuk kata ganti nama diri orang pertama jamak (Nik Safiah et al. 2010; Asmah 2009; dan Za’ba 2000). Dalam buku tatabahasa yang ditulis oleh mereka juga, *kita* adalah kata ganti diri pertama yang bersifat jamak tetapi dalam bahasa Melayu lisan, *kita* juga boleh bersifat tunggal. Secara tidak langsung, penggunaan kata ganti diri *kita* yang menunjukkan sifat tunggal adalah salah dari segi kegramatisannya. Namun dalam bentuk bahasa Melayu lisan, penggunaan kata ganti diri *kita* lebih bervariasi. Sehubungan dengan huraian tersebut, penggunaan kata ganti diri *kita* dalam bahasa Melayu lisan telah mempunyai dua fungsi, iaitu ganti nama diri tunggal dan yang kedua ganti nama diri jamak. Fungsi yang pertama, iaitu tunggal, seperti *kita* yang digantikan sebagai kata ganti diri ‘saya’ memang terdapat dalam bahasa Melayu lisan. Manakala fungsi yang kedua ialah KGD jamak, iaitu *kita* (penutur dan yang dilawan tutur) dan *kita* (penutur dan kumpulan atau kami). Fungsi KGD tersebut berbeza penggunaannya dengan bahasa Melayu standard. Maksud yang pertama penggunaan *kita* dalam multi rujuk *kita* (tunggal) yang digunakan oleh informan merujuk kepada diri informan itu sendiri atau *saya* seperti dalam data berikut:

1. Pengangkutan err, yalah kalau macam *kita* ada kereta sendiri tak ada masalah la. (I3 OT KBA (L):A48)
2. Tapi *kita* bekerja, macam mana pun *kita* boleh ni lah, *handle* kan? (I4 D KBT (P):A38)
3. Orang kata bila sakit bapa *kita* marah-marah dan *kita* tu dah la penat kan buat kerja rumah pas tu nak jaga lagi *kita* punya bapak...(I11 DM KBA (P):A33)

Penggunaan KGD *kita* dikatakan melambangkan unsur kekitaan semasa berbahasa. Jadi, orang yang diajak bercakap tidak merasa diasingkan atau kaku semasa perbualan berlangsung. Malah, sesuai dengan kebudayaan Melayu yang memberi tumpuan kepada hidup berkerabat dan bermasyarakat.

Seterusnya, penggunaan KGD multi rujuk *kita* bagi maksud yang kedua pula merujuk kepada informan itu sendiri dan orang yang dilawan tutur. Asmah (1988: 80) menjelaskan lagi bahawa “perkataan *kita* itu inklusif sifatnya, yakni merangkumi orang yang bercakap dan orang yang diajak bercakap”. Contoh ditunjukkan dalam data seperti berikut:

1. Kemudian *kita* boleh juga pergi ke..aa...Balai Seni Islam yang berdekatan dengan masjid negeri, selain daripada masjid itu sendiri menjadi satu tempat yang menarik, *kita* boleh pergi tempat yang menarik aa...dan jugak pelbagai shopping-shopping kompleks..yang ada kat sini. (I14 DA KMT (L): A42)

2. Aaa..kemudian kalau *kita* tengok pun Shah Alam ni Bandar dia besar kan? (I 17 DM KMT (P): A16)
3. Macam *kita* belajar kan, makcik cakap kat anak-anak makcik, suami kerja... (I3 D KBA (P):A58)

Data menunjukkan bahawa kata ganti *kita* yang digunakan oleh informan bertujuan untuk mengajak yang dilawan bercakap itu bersama-sama menyertainya. Informan menggunakan *kita* (penutur dan yang dilawan tutur) bagi mengelakkan kejanggalan orang yang diajak bercakap seperti dalam contoh 1 dan 2, iaitu “Kemudian *kita* boleh juga pergi” dan “kemudian kalau *kita* tengok pun Shah Alam...”, informan seolah-olah mengajak yang dilawan tutur mengikut serta. Bagi contoh 3, KGD multi rujuk *kita* seolah-olah orang yang dilawan tutur merasai apa yang diucapkan oleh informan tersebut. Penemu bual tidak berasa janggal atau terasing ketika perbualan itu berlangsung.

Maksud KGD *kita* yang akhir ialah penutur dan kumpulan merujuk kepada penutur dan kumpulan. Penggunaan KGD multi rujuk *kita* ini berbeza dengan maksud penutur dan yang dilawan tutur (jamak) kerana ia melibatkan sesuatu kumpulan bukan dengan orang yang dilawan tutur. Kumpulan tersebut tidak hadir semasa proses komunikasi berlangsung. Contoh ditunjukkan dalam data seperti berikut:

1. Suami kerja...*kita* duduk di negeri orang, tengok tempat orang. (I3 D KBA (P):A58)
2. *Kita* duduk jauh daripada mak ayah, *kita* hormat orang yang ada di sekeliling *kita*. (I3 D KBA (P):A54)

Data menunjukkan bahawa penggunaan KGD multi rujuk *kita* dalam contoh 1 dan 2 untuk merujuk kepada penutur dan kumpulan. Kumpulan tersebut ialah anak-anaknya. Situasi tersebut berlaku kerana, informan sebagai ibu merasa bimbang dengan keadaan diri anak-anaknya semasa berada di tempat orang (perantauan). Informan menceritakan ingatannya terhadap anak-anaknya dan bagaimana dia menasihati anak-anak ketika berjauhan daripada ibu bapa dan ketika suami keluar bekerja.

Dapatan seterusnya menunjukkan penggunaan KGD ketiga iaitu *dia* juga ditemui dalam kajian. KGD *dia* dalam tatabahasa bahasa Melayu merujuk orang ketiga (Nik Safiah et al. 2010; Asmah 2009; Abdullah 2006 dan Za’ba 2000). Namun, dalam data yang dikaji, didapati bahawa KGD *dia* merujuk kepada bukan manusia dan mempunyai dua fungsi, iaitu yang pertama *dia* bukan manusia yang bersifat abstrak dan yang kedua bersifat konkrit. Penggunaan KGD *dia* digunakan sebanyak 49 kali atau 16.5 peratus. Jadual 3 menunjukkan variasi KGD *dia* yang digunakan dalam bahasa Melayu lisan.

Fungsi *Dia* dalam Tatabahasa

	Bahasa Melayu Standard	Variasi Bahasa Melayu Lisan	
<i>Dia</i>	Kata Ganti Diri Ketiga (manusia)	Kata Ganti diri Ketiga (Bukan manusia)	Kata Nama Am Abstrak (pengalaman) Kata Nama Khas tak hidup (UITM, Bandar raya Shah Alam)

Jadual 3 Variasi KGD *dia* dalam bahasa Melayu lisan

Jadual 3 menunjukkan variasi penggunaan KGD *Dia* dalam bahasa Melayu lisan. Fungsi yang pertama KGD multi rujuk *dia* merujuk kata nama am yang bersifat abstrak, iaitu seperti dalam data berikut:

1. Pengalaman menarik di maktab tu aaa... *dia* sebenarnya mungkin satu proses belajar yang biasa ja. (I1DKMB(L):A20)

Contoh dalam data merupakan KGD multi rujuk *dia* yang merujuk bukan manusia yang bersifat abstrak, iaitu pengalaman. Dalam contoh itu, informan menceritakan pengalaman manisnya semasa berada di Maktab. Informan telah menggunakan KGD *dia* untuk merujuk tentang pengalaman tersebut. Jadi *dia* sebagai KGD multi rujuk yang dimaksudkan oleh informan ialah pengalaman yang telah dilaluinya. Manakala fungsi yang kedua pula ialah KGD multi rujuk *dia* untuk kata nama khas iaitu tempat. Tempat yang dimaksudkan oleh informan ialah Shah Alam dan bangunan. Contohnya ditunjukkan dalam data tersebut.

1. Aa...kalau dulu tu Shah Alam ni *dia* membangun dengan pesat dan kita boleh lihat banyak taman-taman perumahan yang dibina, kalau dulu kalau sebut Shah Alam ni orang ingat UITM barangkali. (I1 D KMB (L):A18)
2. Pembangunan *dia* seimbang lah, seimbang dan menarik lah pada saya. (I3 OT KBA (L):A44)

Untuk contoh 1 dan 2, informan menggunakan KGD *dia* merujuk kata nama khas, iaitu tempat. Dalam contoh 1 dan 3, dalam ayat “Aa...kalau dulu tu Shah Alam ni *dia* membangun...”, “Pembangunan *dia* seimbang lah...”. *Dia* yang dimaksudkan oleh informan ialah Shah Alam. Asmah (1991: 118) menjelaskan bahawa:

Khusus berkenaan *ia* dan *dia*, tidak terdapat perbezaan antara subkategori manusia dan bukan manusia. Kedua-duanya boleh merujuk kepada nama dalam subkategori mana pun juga. Ini jelas berbeza dengan bahasa Melayu sekarang apabila pengguna secara sedar hendak meletakkan garis pemisahan antara *dia* (bagi manusia dan *ia* atau *ianya* (bagi subkategori lain).

KGD Sifar

KGD sifar ialah pengguguran kata ganti diri pertama seperti *saya*, *aku*, dan sebagainya apabila berbahasa. Namun, komunikasi yang berlaku masih difahami oleh yang dilawan tutur atau orang yang berada di sekeliling mengikut konteks yang digunakan. Begitu juga dalam kajian ini, iaitu pengguguran KGD pertama memang telah menjadi kebiasaan kepada penutur semasa komunikasi berlangsung. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa penggunaan KGD sifar berlaku sebanyak 60 kali atau 20 peratus. Contoh ditunjukkan dalam data berikut.

Contoh 1

- Penemu bual : Adik tingkatan berapa?
Informan 3 : Tingkatan tiga.. (I3DM KMT (L): A1)
Penemu bual : Saudara asal dari mana?
Informan 8 : Berasal daripada Kuala Terengganu dan menetap di Shah Alam ni dah lebih, lebih kurang 12 tahun. (I8 DA KMB (L): A3)
Penemu bual : Sudah lama puan menetap di Shah Alam?
Informan 4 : Menetap Shah Alam semenjak 1997 sampai sekarang. (I4 D KBT (P):A6)

Contoh 1 dalam data menunjukkan bahawa KGD pertama, iaitu *saya*, *aku* dan sebagainya telah digugurkan oleh penutur-penutur tersebut. Lazimnya, pengguguran KGD pertama berlaku pada awal ayat atau klausa. Asmah (1992: 105) memperjelaskan lagi tentang pengguguran ganti nama tersebut, iaitu pada peringkat ayat, pola yang sering dan paling penting ialah pola Frasa Nama – Frasa Karyaan (FN – FK), tetapi dalam perwujudan tabii dialek itu FN kerap kali digugurkan. Hal ini menunjukkan bahawa kata kerja sangat penting dan diutamakan semasa berbahasa. Namun bukanlah bermaksud bahawa frasa nama itu tidak penting dan tidak diutamakan, tetapi penutur tersebut saling memahami antara satu sama lain kerana temu bual dilakukan secara bersemuka.

KGD bahasa asing

KGD bahasa asing ialah kata ganti nama diri daripada bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan sebagainya. Nor Hashimah et al. (2005: 147) menjelaskan bahawa fenomena penyerapan kata asing bukanlah sesuatu yang baharu tetapi telah muncul sejak dahulu lagi. Asmah (2008: 147) memberikan pendapatnya “peminjaman ini berlaku secara tabii apabila dua komuniti bahasa, bahkan juga dua

komuniti dialek, bertemu satu sama lain”. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa penutur di bandar raya Shah Alam telah menggunakan kata ganti diri bahasa asing, iaitu *I* yang bermaksud *saya* atau *aku*. Penggunaannya berlaku sebanyak 34 kali atau 11 peratus. Contoh ditunjukkan dalam data berikut.²

1. *I* sekarang ni bekerja kat CIMB bank dan emm Alhamdulillah la rezeki saya. (I15 DA KMT (P):A24)
2. *So, i tried to find job in private first to get a most experience.* (I3 DA KMT (P):A29)

Contoh 1 dan 2 dalam data menunjukkan kehadiran kata pinjaman *I* bagi menggantikan KGN diri pertama seperti *saya* dan *aku*. KGD pinjaman *I* bukan sahaja fenomena yang lama wujud, tetapi KGD pinjaman ini lebih senang digunakan dan lebih ringkas berbanding dengan *saya* dan *aku*. Selain itu, tidak dinafikan bahawa penggunaan KGD pinjaman *I* untuk menunjukkan bahawa si penutur itu moden atau bersifat semasa.

Penambahan kata penegas

Penambahan kata penegas bermaksud menambahkan kata penegas yang sedia ada seperti *kah, tah, lah, jua, juga* dan sebagainya dalam tatabahasa bahasa Melayu. Kata penegas yang juga disebut kata partikel atau kata penyerta, adalah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat (Nik Safiah et. al 2010 & Asmah 2009).³ Dalam bahasa Melayu lisan terdapat kata penegas yang lazim digunakan ketika perbualan berlangsung, iaitu partikel *kan* dan *kut*. Kata penegas tersebut telah digunakan oleh penutur sebanyak 214 kali atau 12 peratus. Walau bagaimanapun, partikel *kan* lebih kerap digunakan berbanding dengan partikel *kut*, iaitu sebanyak 185 kali atau 86 peratus.

Dalam tatabahasa bahasa Melayu *kan* hanya sebagai imbuhan akhiran dan juga daripada pelemahan kata nafi, iaitu ‘bukan’. Namun, dalam kajian ini didapati bahawa partikel *kan* bukan berfungsi sebagai imbuhan dan juga bukan daripada penyingkatan kata nafi, tetapi sebagai penegas dalam ayat berita (juga disebut ayat penyata atau ayat keterangan). Contoh ditunjukkan dalam data berikut.

1. Tak dak, habis dengan tingkatan lima, sebab semua masa tu *kan* mana ada kilang mana ada apa cuma ada sawah padi dengan getah *kan*. (I1 OT KBA (L):A27)

² Untuk data (22), informan-informan tersebut menggunakan tatabahasa bahasa Inggeris yang salah. Pengkaji juga tidak memperbetulkan kesalahan tersebut kerana ia adalah data asli.

³ Kajian mengenai kata partikel juga dilakukan oleh Saidatul Nornis (2009) tentang partikel no dalam Tradidi Lisan Bajau yang berfungsi sebagai kata penegas dan kata pertanyaan.

2. Dapat sama-sama dengan anak-anak semua *kan*. (I3 OT KBA (L):A61)
3. Sampai sekarang aa apa.. pindah daripada Ipoh duduk di Sungai Way macam-macam tempat la *kan*. (I4 D KBT (P):A25)

Contoh dalam data menunjukkan penggunaan partikel *kan* dalam bahasa Melayu lisan. Partikel *kan* juga berfungsi memberi penegasan dalam ayat yang disampaikan oleh informan. Oleh itu, kata partikel *kan* diperlukan untuk menegaskan ayat pernyataan tersebut. Secara tidak langsung dapatlah dikatakan bahawa partikel *kan* juga merupakan penegas dalam variasi bahasa Melayu lisan sama seperti kata penegas dalam bahasa Melayu standard yang lain.

Seterusnya, partikel *kut* dari segi etimologinya berasal dari dialek utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) yang mempunyai erti agaknya, barangkali, kalau-kalau (*Kamus Dewan* 2005: 859). Dalam bahasa Melayu lisan, partikel *kut* berfungsi sebagai kata penyerta dan hadir dalam ayat yang diucapkan. Partikel *kut* digunakan untuk tujuan merujuk benda atau perkara yang tidak pasti. Seperti fungsi kata penegas yang lain, partikel *kut* juga berfungsi untuk menegaskan ayat berita atau ayat pernyataan. Lazimnya, partikel *kut* juga menegaskan predikat dalam sesuatu frasa, klausa dan ayat. Selain itu, jika merujuk komponen maknanya, iaitu agaknya, barangkali dan kalau-kalau, partikel *kut* merupakan kata kerja modalitas.⁴ Oleh itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa partikel *kut* digunakan sebanyak 29 kali atau 14 peratus. Contoh penggunaannya ditunjukkan dalam data berikut:

1. Rasa kehilangan?.. tak ada *kut*. (I1 DM KMB (P):A65)
2. Tempat menarik tak ada la *kut*. (I13 DA KMT (L):A24)

Partikel *kut* dalam data menunjukkan penegasan berlaku pada unsur predikat dalam ayat-ayat tersebut. Bagi contoh 1 dan 2, partikel *kut* digunakan untuk menegaskan kata kerja, iaitu *tak ada*. Partikel *kut* bukan sahaja berlaku semasa perbualan bahkan ungkapan tersebut telah digunakan oleh masyarakat Melayu dalam pertuturan seharian. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran partikel *kut* boleh ditemui selepas FN, FK dan FA. Partikel *kut* juga tidak boleh berdiri sendiri dan hadir bersama dengan ayat.

⁴ Pengkaji melihat partikel *kut* yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu lisan berfungsi sebagai kata penyerta dalam ayat yang diujarkan. Rujuk juga Asmah (2009: 128).

Penutup

Aspek leksikal yang divariasikan meliputi, kata ganti nama diri, kata sifar, kata asing dan kata penegas. Kebervariasian aspek leksikal disebabkan oleh pilihan kata yang banyak dalam bahasa khususnya bahasa Melayu sendiri sama ada bahasa Melayu standard ataupun bahasa Melayu lisan. Secara tidak langsung, perubahan ini turut membuktikan bahawa kevariasian data lisan dalam penggunaan bahasa juga tidak tertakluk kepada tatabahasa pegangan semata-mata.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2006. *Sintaksis*. Bentong: PTS Publications.
- Asmah Haji Omar. 1988. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1991. *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1992. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2005. *Korpus dan wibawa*. Kertas kerja ucap utama Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALi 05). Universiti Kebangsaan Malaysia – Dewan Bahasa dan Pustaka, 12 – 13 April 2005.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K dan Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1981. Ilmu linguistik sejarah: Asas, kaedah dan hasilnya. *Dewan Bahasa*, 25(10): 5-24.
- Harimurti Kridalaksana. 1970. Struktur sosial & variasi bahasa, *Budaya Jaya*, 8-16.
- Idris Aman. 1995. *Kelainan sosial bahasa Melayu di Shah Alam : Suatu dialektologi sosial bandar*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. 2010. *Analisis wacana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Labov, W. 1966. *The social stratification of English in New York City*. Washington: Center for Applied Linguistics.
- Labov, W. 1980. *Locating language in time and space*. (Ed). Academic Press: New York.
- Milroy, L. 1980. *Language and social networks*. Oxford: Basil Blackwell.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn , Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood. 2010. *Tatabahasa Dewan* edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1989. *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yussof, Raja Masittah Raja Ariffin, dan Sa'adiah Maalip. 2005. *Sistem panggilan dalam keluarga Melayu: Satu dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, P. 1974. *The social differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zainal Abidin Ahmad (Za 'ba). 2000. *Pelita Bahasa I, II dan III* (edisi baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.